

BORANG JAMINAN BANK UNTUK CAGARAN PRESTASI (KONTRAK KERJA)

Perjanjian ini dibuat pada haribulan 20.... Di antara
..... (tuliskan nama Bank/ Syarikat
Insuran) yang beralamat
..... (tuliskan alamat urusan perniagaan
utama Bank tertentu) kemudian daripada ini disebut "Penjamin") sebagai satu pihak
dengan Universiti Teknologi MARA (kemudian daripada ini disebut "UiTM") sebagai pihak
yang satu lagi.

BAHAWASANYA

1. Sebagai balasan UiTM membenarkan
(kemudian daripada ini disebut "kontraktor") untuk menjalankan kerja perkhidmatan kepada
UiTM (kemudian daripada ini
disebut "Perkhidmatan") untuk harga kontrak sejumlah RM (Ringgit
Malaysia:
.....
.....

KAMI yang bertandatangan di bawah ini atas permintaan kontraktor mengakujaji (iaitu
akujaji yang tidak boleh dibatalkan) satu jaminan kepada UiTM bahawa :-

2. Penjamin telah bersetuju untuk menjamin pelaksanaan yang sepatutnya ke atas
Kontrak tersebut mengikut cara seperti mana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan UiTM seperti berikut :-

1. Apabila sahaja UiTM membuat tuntutan bertulis, maka penjamin hendaklah dengan
serta merta membayar kepada UiTM nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa
mengira samada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau
Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat.

Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak
Ringgit Malaysia:
(nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM) dan bahawa

tanggungan Penjamin untuk membayar kepada UiTM di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. UiTM berhak untuk membuat apa-apa tuntutan separa jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan separa itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit Malaysia:
.....
(nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada UiTM jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan pengkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran separa yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak akan dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan di antara Kontraktor dan UiTM samada dengan atau tanpa kebenaran Penjamin atau sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan samada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan tidak boleh dibatalkan dan berkuatkuasa sehingga kemudian daripada ini disebut sebagai "Initial Expiry Date") iaitu dua belas (12) bulan samada selepas tarikh tamat kontrak atau selepas perkhidmatan yang terakhir sekali mengikut mana yang terkemudian. Penjamin hendaklah melanjutkan "Initial Expiry Date" ini untuk tempoh tambahan selama satu (1) tahun daripada "Initial Expiry Date" (kemudian daripada ini disebut "Extended Expiry Date") apabila diminta oleh UiTM dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang UiTM berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit Malaysia:
..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM)

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada "Initial Expiry Date" melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi}
pihak perjamin di hadapan

.....
Nama :
Jawatan :

Cop Bank :

.....
(Saksi)

Nama :
Jawatan :

Cop Bank/Syarikat :

Ditandatangani untuk dan bagi}
pihak Universiti Teknologi MARA
di hadapan

.....
Nama :
Jawatan :

Cop Jabatan :

.....
(Saksi)